JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI JOHOR,
TINGKAT 8 DAN 11, LOT 20485,
MENARA TABUNG HAJI,
JALAN AYER MOLEK,
80720 JOHOR BAHRU.

*Telefon* : 07-2249244/2239318
*Faks* : 07-2239322
*Laman web* : www.anm.gov.my

Rujukan Kami : JANM.JHR.600-1/4/1(2)
Tarikh : 7 Mac 2023
9 Syaaban 1444H

**SEPERTI DI SENARAI EDARAN**

YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan,

**NOTIS PERINGATAN PENGGANTIAN CEK TAK LAKU (CTL)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas

2. Sepertimana pihak YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, merujuk kepada Lampiran E1 para 3.2 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 3 Tahun 2019, Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan cek / bank draf / kiriman wang / wang pos gantian tidak lewat daripada 7 hari selepas menerima maklumat penolakan di Laporan Senarai Cek Tak Laku di sistem iGFMAS. Berdasarkan semakan jabatan ini didapati PTJ YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan mempunyai Cek Tak Laku (CTL) yang masih belum diganti seperti senarai di **Lampiran A.**

3. Sehubungan itu, kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan penggantian CTL dengan kadar **segera.** Sebagai panduan pihak YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan boleh merujuk kepada SPANM Bil. 3 Tahun 2019, Lampiran E1 - Tatacara Penggantian Cek Tak Laku untuk tindakan penggantian CTL tersebut. Bagi CTL yang telah dibuat penggantian, sesalinan Resit Gantian Cek Tak Laku berkenaan hendaklah dikemukakan ke emel: dana_jhr@anm.gov.my / norhayati.seman@anm.gov.my untuk tindakan susulan jabatan ini.

4. Selain itu, pihak YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan juga adalah diingatkan untuk sentiasa menyemak dan memantau Laporan Daftar Cek Tak Laku secara harian. Garis Panduan Dalaman juga hendaklah disediakan bagi memastikan CTL dapat dikutip balik dengan segera dan mengelakkan berlakunya tunggakan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi **Puan Norhayati binti Seman di talian 07-2249244 samb 1046**.

5. Perhatian dan tindakan daripada pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**
***"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"***

***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”***

Saya yang menjalankan amanah,

**(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A (M))**
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Johor

**SENARAI EDARAN:**

1. PENGARAH
   Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru
   Jalan Abdul Samad,
   Kolam Ayer,
   80100 Johor Bahru

2. PENGARAH
   Hospital Permai
   Persiaran Kempas Baru,
   Kempas Banjaran,
   81200 Johor Bahru

## SENARAI CEK TAK LAKU TIADA PENGGANTIAN SEHINGGA 28 FEBRUARI 2023

| BIL | KOD PTJ | NAMA PTJ | DOCUMENT TYPE | AMAUN | DOCUMENT NUMBER | NO CEK | DOCUMENT DATE | TEXT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| TAHUN 2020 | | | | | | | | |
| 1 | 42091201 | PKD JB | C3 | 19,040.00 | 3200124073 | 000003 | 28/10/2020 | REFER TO DRAWER |
| 2 | 42091201 | PKD JB | C3 | 19,040.00 | 3200124074 | 000004 | 28/10/2020 | REFER TO DRAWER |
| TAHUN 2021 | | | | | | | | |
| 3 | 42091201 | PKD JB | C3 | 4,100.00 | 3200008848 | 000028 | 03/02/2021 | REFER TO DRAWER |
| TAHUN 2022 | | | | | | | | |
| 4 | 42092101 | HOSPITAL PERMAI | DM | 2,022.60 | 4600006905 | 20221214 | 14/12/2022 | PAYMENT STOPPED/PAYMENT COUNTERMANDED(OD) 717153 |